



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI PEMELIHARAAN (C.3-4 EB.5)
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PEMELIHARAAN
JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *Conservation and Restoration* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Muzium-Muzium dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja pemantauan bahan koleksi budaya (dalam galeri pameran dan stor simpanan) serta mengenal pasti bahan budaya yang memerlukan tindakan pemeliharaan;
2. Membimbing dan melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan bahan-bahan koleksi Jabatan Muzium-Muzium Brunei di dalam makmal pemeliharaan serta menyediakan laporan dan membuat rekomendasi bagi kerja-kerja pemeliharaan yang diperlukan;
3. Melaksanakan kerja-kerja analisis dan ujian di makmal;
4. Memelihara makmal dalam keadaan selamat, bersih dan sentiasa berfungsi;
5. Membantu dalam meningkatkan mutu dan teknik kajian yang dilaksanakan di makmal;
6. Membantu dalam melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan di dalam makmal dan setempat (*on-site*);



7. Memberi nasihat dan perkhidmatan teknikal (pemeliharaan dan pembaikan) kepada Bahagian-Bahagian lain di Jabatan Muzium-Muzium. Bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan arkib seperti manuskrip, dokumen, rekod, surat perjanjian dan seumpamanya; dan
8. Bertanggungjawab ke atas kerja-kerja yang diberikan serta arahan-arahan dari Pengarah atau Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.